



Pasaran saham dan bon juga boleh menjadi begitu meruap akibat pergerakan modal asing”

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd



Ketegangan perang dagangan akan terus menjadi risiko utama tinjauan pertumbuhan ekonomi”

Julia Goh,
Ahli Ekonomi Kanan UOB Malaysia

Perang dagangan berlarutan jejas ekonomi Malaysia

➔ Ketegangan beri impak kepada pasaran ekuiti, bon, pergerakan mata wang

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Perang perdagangan berterusan antara Amerika Syarikat (AS) dan China akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara, kata ahli ekonomi.

Malah, ketegangan berterusan itu akan menyebabkan sentimen pelabur menjadi negatif, sekali gus memberi impak ketara kepada pasaran ekuiti, bon dan pergerakan mata wang.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata sentimen pelabur yang negatif berpotensi menjejaskan nilai ringgit berikutan pelabur beralih

kepada mata wang lindung nilai seperti dolar AS dan yen.

Jika keadaan itu berterusan, beliau berkata, kos sara hidup boleh meningkat berikutan kelemahan nilai ringgit.

“Pasaran saham dan bon juga boleh menjadi begitu meruap akibat pergerakan modal asing,” katanya bagi mengulas mengenai kesan perang perdagangan AS-China terhadap pasaran saham, bon dan ringgit.

Mohd Afzanizam berkata, secara umumnya, kesan pergeseran perdagangan antara dua gergasi ekonomi itu adalah besar dan ketara kerana kebanyakan negara di dunia terutama di Asia mempunyai rantai perniagaan yang rapat dengan China dalam pelbagai sektor, seperti industri komoditi dan bukan komoditi.

Beliau berkata, pengumuman kerajaan AS untuk menyenaraihitam syarikat teknologi seperti Huawei serta yang berkaitan dengannya juga akan memberi impak negatif kepada sektor teknologi yang mana syarikat itu dilihat instrumental dalam membangunkan teknologi telekomunikasi 5G.

“Jika kita lihat nisbah eksport Malaysia ke China adalah 13.9

peratus pada 2018 berbanding 3.1 peratus pada 2000. Justeru, ancaman kelembapan ekonomi China berpotensi untuk menjejaskan ekonomi Malaysia secara langsung,” katanya.

Kesan negatif dan positif

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kesan perang perdagangan AS-China boleh menjadi positif dan negatif kepada Malaysia.

Beliau berkata, kesan positif adalah apabila AS atau China mencari pengganti kepada barangan import yang dikenakan tarif, yang mana keadaan itu membuka peluang kepada Malaysia menjadi pembekal barangan berkenaan.

“Ini memandangkan barangan kita (Malaysia) tidak dikenakan tarif dan boleh dijual dengan harga yang lebih kompetitif kepada AS dan China.

“Negara kita juga boleh menjadi perantara untuk barangan AS dan China masuk ke negara masing-masing yang bertujuan untuk mengelakkan tarif,” katanya.

Ahmed Razman berkata, kesan negatif pula ialah apa-

bila perang tarif AS-China itu menyebabkan ekonomi global merudum yang mana boleh menjejaskan permintaan terhadap barangan dari Malaysia, sekali gus melembapkan pasaran negara ini.

Beliau berkata, ia sudah pasti akan menjejaskan eksport negara dan permintaan terhadap ringgit akan terjejas dan menyebabkan nilainya jatuh berbanding dolar AS.

Bagaimanapun, katanya, masih terlalu awal untuk menilai kesan perang perdagangan itu.

“Yang lebih penting ialah untuk kerajaan bersiap sedia dan memastikan segala senario dari perang tarif ini telah difahami dan langkah mengatasinya dilakukan,” katanya.

Sementara itu Ahli Ekonomi Kanan UOB Malaysia, Julia Goh, berkata ketegangan perang perdagangan antara AS-China akan terus menjadi risiko utama terhadap tinjauan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya berpandangan asas ekonomi negara ini kekal kukuh dan permintaan domestik dijangka kekal sebagai pemacu pertumbuhan tahun ini meskipun perlahan.